

CABARAN DAKWAH ISLAM DI ALAM SIBER

(Challenges of Islamic Dakwah in Cyber Space)

Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh

ABSTRAK

Keupayaan teknologi komunikasi pada ketika ini, membawa fenomena apabila memungkinkan penggunaan aplikasi media sosial dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah aktiviti dakwah. Aplikasi media social seperti facebook, whatsapps, instagram dan twitter, dilihat berpotensi memberi peluang yang meluas terhadap penyebaran mesej dakwah kerana sifatnya yang pantas, langsung ke sasaran, meluas penggunaannya dan lebih global. Dakwah merupakan ajakan atau seruan ke arah penerimaan, penghayatan ajaran dan nilai-nilai Islam. Aspirasi ini dapat direalisasikan melalui pengurusan dan perancangan yang sistematik sesuai dengan saranan Al-Quran supaya dakwah disampaikan dan disebarluaskan secara hikmah dan teratur. Artikel ini membincangkan potensi penggunaan teknologi komunikasi terutamanya media baharu untuk aktiviti dakwah dan cabaran yang mungkin timbul dalam penggunaannya. Perbincangan adalah berdasarkan senario semasa dalam konteks lanskap media berkaitan penggunaan media untuk aktiviti dakwah di Malaysia khususnya. Aktiviti dakwah semasa mestilah mengambilkira penggunaan media yang dimiliki dan digunakan oleh khalayak untuk memastikan kesampaian dan penerimaan mesej dakwah dan seterusnya membantu perkembangan ajaran Islam yang betul. Media baru sebagai alat menyebarkan maklumat pada masa kini dilihat begitu berbeza dengan medium pembelajaran agama sebagaimana yang dilakukan sebelum ini. Oleh itu, terdapat beberapa isu utama yang menjadi cabaran dalam melebarkan dakwah melalui media baru seperti yang dibincangkan dalam artikel ini.

Kata kunci : Media baharu, dakwah, cabaran, alam siber, Islam

ABSTRACT

In today's world, the communication technologies are so pervasive that it is widely used for human activities including dakwah. Social media such as facebook, whatsapps, Instagram and twitter provide enormous potential in disseminating messages on Islam due to their features like instantaneous, direct, popular and global. Dakwah is related with religious missions with the aim to persuade or convert others towards the teaching of Islam. This mission is realized through proper and systematic planning in accordance with the way Islam should be propagated. This article discusses the potential of utilization of communication technologies particularly the new media in dakwah's works and the challenges. The discussion focusses on current scenario of new media landscape in Malaysia. Dakwah work must incorporate popular media as communication channels to disseminate messages effectively and thus ensure the success of its mission. This article identifies some challenges which may arise in the use of new media for dakwah work.

Keywords: new media, dakwah, challenges, cyber world, Islam

PENGENALAN

Keupayaan teknologi komunikasi pada ketika ini, membawa fenomena apabila memunculkan penggunaan aplikasi media sosial dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah aktiviti dakwah. Justeru, penggunaan media sosial seperti facebook, whatsapps, instagram dan twitter, dilihat memberi peluang yang meluas terhadap penyebaran mesej dakwah kerana sifatnya yang pantas dan lebih global. Statistik berkaitan aplikasi media social menunjukkan terdapat lebih 2 billion pengguna facebook dan lebih 328 juta pengguna twitter di seluruh dunia. Di negara kita direkodkan lebih 22 juta rakyat di negara ini mempunyai akaun facebook, majoritinya berusia antara 16 hingga 35 tahun (MCMC, 2017).

Kalau dilihat perkembangan dakwah Islam dari dahulu sehingga kini, ternyata bahawa para pendakwah khususnya dan umat Islam umumnya tidaklah menggunakan sesuatu media tertentu, dan tidak pula menghadkan kepada hanya sesuatu media tertentu saja yang boleh digunakan dalam menyampaikan dakwah Islamiah di seluruh dunia ini. Kemajuan dalam teknologi komunikasi telah mengubah lanskap penggunaan media dalam kalangan pengguna dan juga dalam aktiviti dakwah. Dilihat kepada perkembangan Internet umpamanya, perbezaan nisbah kuantiti laman web dan blog agama selain Islam, telah mengatasi bilangan web dan blog Islam itu sendiri. Justeru itu, telah menjadi tanggungjawab para pendakwah tersohor untuk membina lebih banyak laman web dan blog, seperti yang dilakukan oleh Dr. Yusuf al-Qardawi (<http://www.Qardawi.net>) dan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk' Dr Zulkifli Mohd Al-Bakri serta lain-lain lagi. Penggunaan meluas media baharu ini ternyata memberikan cabaran kepada aktiviti dakwah Islam di Malaysia dan di peringkat global.

KONSEP KOMUNIKASI DAKWAH

Dakwah merupakan ajakan atau seruan ke arah penerimaan, penghayatan ajaran dan nilai-nilai Islam. Aspirasi ini dapat direalisasikan melalui pengurusan dan perancangan yang sistematik sesuai dengan saranan Al-Quran supaya dakwah disampaikan dan disebarluaskan secara hikmah dan teratur. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl 16:125 yang bermaksud: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”. Maksud ayat ini ialah para pendakwah dituntut untuk menyeru manusia ke arah kebaikan dengan pendekatan hikmah iaitu bijaksana. Menurut Ruzain (2011) kaedah dakwah yang dituntut juga haruslah mengikut keperluan zaman dan sesuai dengan kemampuan masyarakat. Hikmah mungkin boleh difahami sebagai kepelbagaian dalam menggunakan wasilah yang paling sesuai bagi mencapai sesuatu tujuan. Oleh itu, media baharu sebagai alat komunikasi di zaman siber ini sangat menepati ciri-ciri hikmah yang dinyatakan.

Dari perspektif Islam, dakwah boleh dilakukan mengikut pembudayaan setempat selagi tidak bertentangan dengan agama (Mohd. Amirul Akhbar, 2011). Oleh itu, kewujudan media baru sebagai agen transformasi dakwah telah diterima secara umum dan tidak bertentangan dengan syariat agama. Islam sendiri menyuruh umatnya supaya menyeru kepada agama Allah dengan penuh berhikmah dan dengan memberikan tunjuk ajar yang baik (al-Quran, Surah al-Nahl ayat 125). Pendekatan secara berhikmah adalah kaedah yang terbaik dalam merubah tabiat manusia. Selari dengan perkembangan teknologi, media baru

boleh menjadi salah satu dari kaedah terbaik ke arah tujuan tersebut. Perkembangan teknologi terkini menyaksikan pelbagai alat sebaran am mula berkembang secara berleluasa. Oleh itu, media atau maklumat tidak boleh dipersalahkan di atas ketidakupayaan masyarakat Islam mendapatkan maklumat dakwah dalam kehidupan agama (Rahimin Affandi, 2000).

TEKNOLOGI MEDIA BAHARU DARI PERSPEKTIF ISLAM

Masyarakat Islam perlu sedar bahawa teknologi adalah alat yang direka oleh manusia untuk mempermudah kehidupan di dunia ini. Keberadaan teknologi maklumat menjadikan dakwah dapat disampaikan dalam pelbagai bentuk, lebih meluas, dan lebih pantas dalam menyampaikan sesuatu nasihat atau ilmu ke seluruh ceruk dunia (Muhamad Asyraf, Khairul Azhar dan Rushdi, 2013). Penggunaan teknologi komunikasi dalam dakwah Islam bukan semata-mata sebagai pengantara atau alat tetapi berfungsi lebih dari itu. Media dakwah berkembang secara evolusi menjalani fasa-fasa tertentu dan sehingga kini dilihat lebih sistematik dengan reka bentuk yang menarik dilengkapi dengan kombinasi sumber-sumber manusia dan bukan manusia untuk menghasilkan dakwah Islam yang lebih efektif. Media sememangnya diperakui sentiasa memainkan peranan penting sebagai saluran komunikasi. Perkembangan syiar Islam bergantung juga kepada usaha sejauh mana umat dan pendakwah menguasai medium penyebaran maklumat pada zamannya (Noor Shakirah, 2006). Alat dakwah haruslah digunakan sepenuhnya dalam aktiviti dakwah dan penentuan samada baik atau tidak adalah diserahkan kepada pengguna (Aziz, 1995).

Penggunaan media baru adalah sebagai memenuhi tuntutan semasa terhadap konsep al-hikmah dalam dakwah. Perkataan al-hikmah ini telah disebut sebanyak 20 kali dalam Al Quran dan biasanya dirangkaikan dengan perkataan al-Kitab yang ditakrifkan sebagai pengetahuan yang dibawa oleh para Nabi. Al-hikmah juga termasuk dalam kaedah merombak tradisi dan amat sukar jika tidak menyampaikan sesuatu perkara secara berhikmah kerana manusia mempunyai kesukaran yang tinggi untuk meninggalkan kebiasaan atau merubah tradisi (Mohd Farhan, 2008).

Jalinan dakwah dan maklumat agama berkemungkinan tidak sampai kepada masyarakat Islam pada hari ini sekiranya penggunaan alat untuk berdakwah melalui media tulisan tidak dipraktikkan pada peringkat awal Islam. Aktiviti penulisan sebagai alat sebaran telah dimanfaatkan oleh para Sahabat Nabi saw sendiri. Abu Umamah al-Bahili, Abu Ayyub al-Ansari dan Abu Bakar al-Siddiq sendiri adalah antara para penulis hadis Nabi yang menyumbang kepada penyebaran dakwah pada zaman itu. Begitu juga pada zaman Khilafah Islamiyah, Abu Bakrah al-Thaqafi, Abu Rafi, Abu Said al-Khudri, Abu Musa al-Asy'ari, Abu Hurairah dan sebagainya juga adalah penulis (Azami, 1994). Contoh yang jelas dalam perkara ini ialah tulisan Zayd bin Thabit yang diiktiraf sebagai buku pertama dalam masalah fara'idh sehingga Jaafar bin Burqan menyebut (sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Zuhri): "Seandainya Zayd bin Thabit tidak menulis tentang ilmu fara'idh nescaya ilmu tersebut sudah lama hilang" (Azami, 1994).

KOMUNIKASI DAKWAH DAN KESESUAIAN DI SETIAP ZAMAN

Apabila kita menyoroti sejarah mengenai bagaimana dakwah Islam mampu tersebar dan disampaikan kepada umat manusia di zaman Nabi Musa, kita akan dapati bahawa baginda menggunakan cara dan pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan cabaran dan situasi semasa pada ketika itu. Pada zaman Nabi Musa, baginda dianugerahkan oleh Allah SWT dengan mukjizat ‘tongkat sakti’ bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh baginda pada zaman tersebut. Ini disebabkan kepakaran di bidang sihir merupakan di antara ciri-ciri kekuatan yang menjadi pelindung kepada kezaliman yang dilakukan oleh penguasa Mesir atau Fir’aun pada masa tersebut.

Bertitik tolak daripada pengajaran di atas dan melihat kepada realiti era globalisasi pada masa kini, ruang dakwah serta penyebaran maklumat Islam dengan lebih pantas dan berkesan kini terbuka lebih luas melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Namun begitu, di dalam membicarakan tentang kecanggihan dan kepesatan teknologi, khususnya ICT, kita masih tidak dapat menjamin bahawa sesuatu dakwah Islam boleh difahami oleh manusia. Ini kerana kefahaman seseorang individu terhadap sesuatu Islam itu bukan hanya terletak pada kehebatan teknologi tetapi terletak pada mutu kandungan serta kaedah penyampaian yang menarik dan berkesan sehingga membolehkan ilmu tersebut masuk ke dalam jiwa manusia.

Hakikatnya, masyarakat kita pada masa kini amat mudah terpengaruh dengan kandungan yang dipaparkan di media massa dan media baharu. Teknologi komunikasi yang canggih justru membuka peluang kepada para pendakwah untuk lebih kreatif menggunakan kepakaran di dalam bidang masing-masing, bagi memainkan peranan memikul tanggungjawab dakwah. Ruang dan kepakaran itu haruslah dimanfaatkan bagi menakluki hati masyarakat agar terpaud dengan ajaran Islam yang sarat dengan nilai murni yang universal. Antara perkara yang perlu digarap adalah penghasilan kandungan, drama, filem, iklan serta kandungan digital atau animasi yang memahami dan mementingkan aspek ajaran Islam di dalam setiap produk. Di sinilah bermulanya pendidikan secara tidak langsung mengenai Islam kepada masyarakat yang kini sebenarnya sedang dahagakan kandungan alternatif bagi mempelbagaikan pilihan dan selera tontonan mereka, lebih-lebih lagi kepada generasi muda.

CABARAN DAKWAH ISLAM MELALUI MEDIA BAHARU

Persoalan berkaitan media yang berfungsi sebagai medium pembelajaran agama perlu dilihat dari pelbagai dimensi. Agama berkait rapat dengan kepercayaan dan pokok utamanya ialah masalah kepercayaan serta keyakinan diri terhadap Allah swt. Kepercayaan dan keyakinan ini perlu direalisasikan dengan ibadat, akhlak serta tingkahlaku sosial (Saed Zurghami, 2011). Media baru sebagai alat menyebarkan maklumat pada masa kini dilihat begitu berbeza dengan medium pembelajaran agama sebagaimana yang dilakukan sebelum ini. Oleh itu, terdapat beberapa isu utama yang menjadi cabaran dalam melebarkan dakwah melalui media baru ini seperti:

- i) Pertama, kaedah pengajaran dan pembelajaran Islam sebelum ini secara berkesinambungan telah dilakukan mengikut tradisi yang penuh dengan nilai-nilai agama. Penyampaian berita dalam Islam pada asasnya telah dibuat dengan teliti

dan disampaikan dari satu generasi kepada generasi berikutnya berdasarkan kitab-kitab muktabar yang diturunkan secara mutawatir (Musthafa al-Siba'ee, 1993). Masyarakat Islam menyanjung tinggi nilai kandungan maklumat keagamaan yang menyebabkan maklumat Islam itu sendiri sentiasa berada pada tempat yang paling berintegriti sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran melalui surah al-Hujuraat, ayat 6. Dalam menuju matlamat dakwah, kandungan maklumat agama melalui internet dilihat terlalu terbuka dan bebas tanpa tapisan serta boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja dengan cara memuat turun berita secara bebas. Keadaan ini sudah tentu mencabar konsep mutawatir dan integriti maklumat dalam Islam.

- ii) Kedua, selain mencabar konsep mutawatir, ruang internet yang terbuka dan bebas sehingga boleh menjadikan semua penjelasan agama begitu mudah didapati menyebabkan berlakunya penumpukan maklumat agama secara berlebihan yang membawa kepada masalah kebanjiran maklumat. Masalah kebanjiran maklumat boleh mewujudkan suasana huru-hara dalam mencari maklumat yang dapat dipercayai. Menurut Mohd Sani (2009), antara tanda-tanda lebihan muatan maklumat ialah rasa cemas (anxiety), kecewa, marah, lemah semangat, kacau bilau, keliru dan hilang kawalan diri bersangkutan maklumat. Justeru, alam media baru seperti wikis dan blog memerlukan ukuran dan metrik yang tepat untuk menentukan kewibawaan (credibility) maklumat dan tanggungjawab (trustworthy) (Mohd Sani, 2009). Maklumat pengajaran Islam juga dilihat telah mengalami fasa ini di mana pengguna semakin dihipit oleh timbunan maklumat agama atas talian secara tidak terkawal yang menyebabkan berlakunya kecelaruan maklumat agama yang membawa kepada implikasi fobia terhadap kandungan maklumatnya hanya akan menjerumuskan diri ke kancah kekeliruan dalam kehidupan.
- iii) Ketiga, keperluan terhadap media baru sebagai tempat pembelajaran agama juga menuntut kepada integriti dan lokus kawalan yang tinggi. Internet pada asasnya adalah sebuah media sosial yang mendedahkan kebaikan tetapi pada masa yang sama berbaur dengan pelbagai keburukan di dalamnya (Rahmat, 2010). (Sharom 2001) menyatakan saluran ini tidak ada kesepakatan mengenai baik buruk, benar salah, asli palsu, berguna tidak berguna kerana semuanya menjadi semacam "nihilism" (serba kosong) walaupun ia juga boleh menjadi serba boleh, serba benar, serba berguna. Sukar bagi pengguna untuk memisahkan dua persimpangan yang memerlukan kemahiran membuat keputusan yang munasabah berasaskan lokus kawalan serta efikasi diri.
- iv) Keempat, Islam adalah agama yang mementingkan adab berguru antara guru dan murid. Pengajaran dan pembelajaran Islam meletakkan masalah kepercayaan dan keyakinan diri terhadap Allah swt. sebagai pokok utama. Kepercayaan dan keyakinan ini perlu direalisasikan dengan ibadat, akhlak serta tingkah laku sosial (Saed Zurghami, 2011). Pendidikan Islam memerlukan proses dan sentuhan guru bagi menjamin dan menjaga adab pembelajaran sesuai dengan kehendak syariat dalam memberikan pendidikan terhadap anak didik. Walau bagaimanapun, media baru yang dilihat semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dewasa ini jelas tidak menggambarkan hubungan langsung adab berguru antara murid dengan guru sebagaimana yang ditekankan agama (Talib Samat, 2004).

- v) Kelima, isu lain yang berkaitan dengan penggunaan media baru sebagai tempat pembelajaran agama adalah masalah pengguna itu sendiri terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan. Bagi pengguna yang mempunyai pengetahuan asas agama yang cukup sudah tentu mereka boleh membaca, membanding, membuat pertimbangan serta menganalisis maklumat tersebut berdasarkan ilmu agama yang dimiliki untuk diamalkan. Tetapi keadaannya berbeza dengan pengguna yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang minimum. Golongan ini dilihat menghadapi kesukaran tertentu untuk menilai maklumat agama menerusi media baru ini lebih-lebih lagi dalam menilai maklumat yang bermakna. Justeru, pengguna media baru yang tidak mempunyai asas pengetahuan mencukupi tentang Islam mungkin menghadapi masalah untuk menentukan kesahihan sumber maklumat (Zulkiple, 2002).

PENYELESAIAN MASALAH DAKWAH ISLAM DI ALAM SIBER

Sebagai pengguna media baru untuk tujuan pembelajaran agama, pengguna perlu memahami bahawa sebarang bentuk nilai maklumat dalam media baru datang dari pelbagai latar belakang penulisan. Terdapat dalam kalangan penulis yang hanya berniat untuk menyiarkan maklumat tanpa asas agama yang kukuh dan menyalin maklumat tersebut untuk disebarkan. Keadaan ini sudah tentu menghilangkan maksud asas mutawatir yang mana ilmunya diperturunkan secara sah. Berdasarkan keadaan ini, pendakwah siber dapat dibahagikan kepada beberapa kategori, kategori pertama ialah pendakwah tulen yang memiliki autoriti dalam bidang agama serta dikenali dalam kalangan masyarakat seperti Dr Zaharudin Abdul Rahman, Dato' Dr. Muhammad Izhar Ariff dan sebagainya. Kategori kedua ialah golongan pendakwah tulen yang hanya boleh dikesan melalui ketinggian ilmunya dalam mengupas isu-isu Islam tetapi kemasyhurannya belum dikenali dalam kalangan masyarakat. Kategori ketiga pula ialah golongan bukan agamawan tetapi berminat dengan menjalankan dakwah dan penyebaran maklumat agama melalui laman sesawang.

Dalam menangani isu ini, pengguna boleh menerima maklumat yang disampaikan oleh penulis sesawang ini dengan cara membuat perbandingan dengan maklumat lain dan melakukan rujukan agama selagi penulis tidak menokok tambah huraianya sehingga menyimpang dari maksud asal. Apa yang perlu dilakukan oleh pengguna, sesuai dengan perspektif Islam dalam menangani sebarang bentuk maklumat ialah dengan cara menyelidiki dahulu maklumat tersebut dari segi sumbernya. Pengguna juga boleh melakukan perbandingan maklumat melalui laman-laman sesawang yang lain dan sekiranya berlaku kesamaan maklumat pengguna boleh menerimanya. Selain itu maklumat yang datang dari blog-blog picisan boleh dikesan melalui sambutan pengunjung ke atasnya melalui daftar jumlah pengunjung serta ruang komentar yang ada. Selain itu, identiti penulis juga perlu diambilkira selaras dengan kehendak Islam. Ini bersesuaian dengan konsep tabayyun (menyelidiki kebenaran) yang disarankan oleh Islam. Dalam surah Al-Hujurat ayat 6, Allah memerintahkan umat Islam agar menyelidik terlebih dahulu kesahan berita yang mereka terima dari orang yang fasiq supaya mereka tidak tersilap membuat keputusan dan menyesal dengan keputusan tersebut. Menurut Ibn Khaldun (1969), beberapa asas terpenting komunikasi dalam Islam adalah kejujuran, keikhlasan dan niat komunikator, kebenaran mesej, pengesahan sumber mesej, penyiasatan untuk mengesahkan kejujuran dan ketepatan komunikator.

Dalam menghadapi masalah banjir maklumat agama sehingga menimbulkan rasa tidak senang serta sukar memilih maklumat yang tepat terhadapnya pula, pengguna boleh merujuk kepada ciri-ciri kredibiliti maklumat atas talian. Mohd Sobhi et al., (2011) telah menggariskan beberapa asas mengenai kredibiliti maklumat atas talian. Antaranya ialah penulisan itu mesti berasaskan kejujuran, kandungannya tidak berat sebelah, mementingkan aspek akhlak (moral), ada unsur keaslian bagi penulisan Islam, kandungannya bermaklumat, maklumat yang ada boleh disahkan. Sekiranya laman yang dituju menyentuh masalah soaljawab agama, jawapan yang diperolehi hendaklah dibandingkan dengan ulama terkenal yang dirujuk oleh majoriti pengguna untuk membuktikan kesamaannya, penulis tidak menyokong mana-mana pihak, tidak bekerja dibawah pengaruh orang lain, tahu mengenai aspek Islam, berdasarkan al-Quran dan Hadis, berpengalaman mengendalikan penerbitan Islam, mempunyai pengetahuan mengenai isu-isu Islam, selaras dengan pemikiran Islam serta berintegriti dan bertanggungjawab.

Internet secara asasnya adalah wadah kepada media sosial yang bersifat serampang dua mata dengan gabungan unsur kebaikan dan keburukan (Rahmat, 2010). Justeru, pengguna harus sedar bahawa yang dimaksudkan dengan media adalah alat untuk menyampaikan perkhabaran. Sama ada media lisan, cetak dan elektronik, ketiga-tiga saluran ini mampu membentuk dan mempengaruhi pandangan masyarakat. Abd.Aziz (1995) menyatakan tiada pengkelasan alat yang tidak baik atau tidak buruk tetapi fungsinya ditentukan sepenuhnya oleh pengguna termasuklah dalam penggunaan menyampaikan dakwah. Dalam menangani isu di atas, pengguna perlu mengakui bahawa wujudnya dakwah melalui media baru adalah satu cetusan inovasi dalam bidang dakwah melalui teknologi. Sebesar manapun inovasi adalah berkait rapat dengan tahap pengetahuan pengguna mengenai kepentingan dan kebergunaan inovasi tersebut. Bagi pengguna yang memahami situasi ini sudah tentu mereka akan memanfaatkan teknologi dengan menjadikan laman sesawang sebagai wadah penyediaan ilmu dan maklumat agama yang lebih baik. Menurut Umar & Samsudin (2010), kewujudan laman sesawang yang sepatutnya berupaya menyebarkan pelbagai maklumat agama tidak membawa apaapa makna sekiranya tiada kesedaran di atas kelebihan dan kebaikan teknologi media. Ini membuktikan bahawa faktor teknologi yang berbaaur dengan pelbagai keburukan bukan menjadi penghalang kepada pengguna dalam menyebarkan maklumat agama tetapi kesedaran pengguna terhadap teknologi baru yang mampu memanfaatkan maklumat dan ilmu Islam adalah amat signifikan. Oleh itu, kesedaran dalam kalangan pengguna penting untuk memastikan medium ini dimanfaatkan secara maksimum sebagai tempat perkongsian ilmu agama secara bijak dan berhemah.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dari perspektif Islam pula, didapati tidak semua aspek dalam pengajian Islam mampu terjawab melalui kaedah pembelajaran seperti ini. Senario ini menyokong pendapat yang mengatakan pendidikan Islam memerlukan sentuhan guru dalam memperolehi keberkatan dalam proses pembelajaran agama. Walaubagaimanapun, pengguna harus sedar secara asasnya pembelajaran ilmu fardhu ain sangat serasi dengan pendekatan berasaskan guru khususnya di peringkat kanak-kanak untuk menerapkan adab kerana pendidik perlu berinteraksi, bermuamalat dan bersahabat (musohabah) dengan peserta atau anak didiknya secara langsung (Noor Hisham, 2011). Pada peringkat ini konsep berguru adalah relevan sebagai muaddib (pembina akhlak) dan sumber qudwah (contoh ikutan) untuk membimbing pelajar memahami, mengamal dan menghayati prinsip-prinsip Syariah dalam satu kerangka yang sepadu dan jelas. Guru juga perlu berperanan sebagai sumber rujukan yang berautoriti dan bertanggungjawab untuk menentukan tahap pencapaian pelajar (Fazlur Rahman, 1982; Noor Hisham, 2011).

Walau bagaimanapun dalam konteks pengajian agama di peringkat pendidikan tinggi, keadaannya tidak sama dengan pengajian fardu ain peringkat rendah. Di peringkat tinggi, penglibatan pelajarnya lebih aktif, pemikiran yang lebih kritis dan analitikal, berorientasikan masalah serta memenuhi keperluan semasa dalam bidang ilmu kifayah (Noor Hisham, 2011). Justeru, penggunaan media baru masih lagi mengekalkan adab hubungan berguru kerana konsepnya juga masih mengekalkan sifat interaktif walaupun tidak secara bersemuka. Pandangan serong mengenai adab-adab berguru dalam pembelajaran melalui maya ini perlu dikikis dan difahami kedudukannya. Tidak semua bentuk pengajian agama, pengetahuan dan ilmunya memerlukan sentuhan murabbi secara langsung sebaliknya mereka juga memerlukan kreativiti serta pembelajaran sendiri untuk mempelajari agama secara lebih meluas sesuai dengan peringkat umur. Perkara penting ialah pemantauan berterusan oleh para guru terhadap kesahihan maklumat yang disalurkan kepada para pelajar melalui media baru. Ini dibantu pula dengan pemantauan golongan agamawan terhadap isi kandungan agama dalam media baru bagi memastikan kesahihan maklumat yang disebar. Sikap prihatin dan ambil peduli sebegini sememangnya dianjurkan oleh Islam. Allah berfirman dalam ayat 2 surah al-Maidah yang bermaksud:

“Dan bantu membantulah kamu dalam perkara kebaikan dan takwa dan janganlah sesekali kamu bantu membantu dalam perkara dosa dan permusuhan”

Sehubungan itu, pandangan terhadap media baru tidak lebih daripada tempat mendapatkan maklumat agama semata-mata bukan menjurus kepada percambahan ilmu dan perubahan tingkah laku agama perlu dikikis.

KESIMPULAN

Seorang Pemikir Islam Syria Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buthi menyatakan: " Ternyata ledakan ICT dan jaringan internet yang hampir menelan seluruh penjuru dunia adalah merupakan medan luas yang di situ muncul mimbar-mimbar yang menyuarakan kepentingan islam, dengan memperkenalkan, mengajak (dakwah), membela dan menyelesaikan berbagai permasalahannya". Pandangan beliau amat tepat sekali kerana Internet adalah sebuah gerbang yang besar yang mengandungi pelbagai jenis maklumat oleh pelbagai pengeluar maklumat.

Oleh itu, dakwah melalui ICT dapat dinilai sebagai mekanisma yang efektif dan berpotensi dengan beberapa alasan, diantaranya mampu melangkaui batasan ruang dan waktu serta berpengaruh pula dalam menyampaikan misi dakwah. Dakwah secara etimologi bermakna "seruan dan ajakan". Ini bertepatan dengan terminologi artinya iaitu "menggunakan akal fikiran dalam rangka menyelamatkan manusia dari rasa jauh dan lupa terhadap Allah SWT agar menjadi dekat dan ingat, melalui berbagai kaedah.

Dakwah dalam konteks masa kini haruslah lebih praktikal. Para pendakwah haruslah menggunakan kesemua uslub dan wasilah yang ada pada hari ini dalam usaha mengembangkan Islam kepada umum. Kesemua metod yang digunakan oleh Rasulullah dan para sahabat pada zaman dahulu menjadi pemangkin pembakar semangat umat sekarang dalam gerakan dakwah yang lebih efektif dan efisien. Kemunculan pelbagai domain dakwah yang menyediakan pelbagai platform untuk menyampaikan ilmu menjadi teras dalam pembungunan sahsiah individu mengenai Islam dengan lebih terperinci. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam dakwah adalah sangat penting dan dimanfaatkan sebaik dan sebijak mungkin. Kewujudan laman sosial seperti Facebook, Twitter dan lain-lain

menjadi wasilah kepada para daie pada hari ini untuk berkomunikasi dengan golongan sasaran mereka dengan lebih rapat dan mesra. Dakwah merupakan satu usaha sesetengah golongan dalam menyeru dan menyampaikan ajaran Islam secara bijaksana kepada manusia yang lain. Kepsatan pembangunan teknologi merupakan satu penjuru yang tidak harus dipinggirkan dalam memartabatkan dakwah agar pengajaran dan maklumatnya sampai kepada khalayak dengan cepat, tepat dan berkesan. Kombinasi antara elemen dakwah dan teknologi mewujudkan satu fenomena yang mampu mencetuskan natijah untuk pembangunan jiwa ummah. Justeru, penggunaan media sebagai wasilah dakwah masa kini adalah amat penting dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat.

Dakwah di era siber tertumpu kepada proses memanfaatkan ruang komunikasi berskala global dengan memahami tatacara permainan dan penguasaannya. Mauduk dakwah yang berfokus kepada memperkasa nilai-nilai keinsanan manusia bersaing secara bebas di ruang maya dan memerlukan 'semacam kekuasaan' untuk menakluk minda para siberis. Justeru itu, isu demi isu berkaitan dengan kemanusiaan akan terus muncul dari semasa ke semasa yang bukan sahaja memerlukan kepintaran teknologis, tetapi yang lebih penting ialah kepintaran menonjolkan mesej dakwah supaya terus dominan dengan matlamat memperolehi kebahagiaan dan menyebarkan salam kepada seluruh umat manusia.

RUJUKAN

Al-Quran Karim

Abd. Aziz Mohd. Zin. 1995. Minhaj Dakwah Masakini: Suatu Pengenalan. *Jurnal Usuluddin*, 3: 77-102.

Azami M.M. 1994. Dirasat al-Hadits al-Nabawi wa al-Tarikh Tadwinih. Terj.H. Ali Mustafa Yaqub. *Hadis Nabawi dan Sejarah Kodifikasinya*. Jakarta: PT Pustaka Firdaus.

Ibn Khaldun. 1969. *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Terj. Franz Rosental. Princeton: NJ Prinston University Press.

Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli. 2011. Ironi Komitmen Terhadap ICT: Ancaman Blog di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*. 27(1): 53-72.

Mohd Sani Badron. 2009. Zaman Ledakan Teknologi Maklumat dan Kemajuan Pengetahuan dalam Kerangka Pandangan Hidup Islam. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam (AFKAR)*. 1: 83-108.

Mohd Shobi Ishak, Musa Abu Hassan, Siti Zobidah Omar & Jusang Bolong. (2011). Kredibiliti Maklumat Sebagai Faktor Anteseden yang Mempengaruhi Tanggapan Pengguna dalam Model Penerimaan Maklumat Berkaitan Islam di Internet.

Musthafa al-Siba'e. 1993. *The Biography Seerah of Allah's Prophet*. (terj.) Ghassan Abdel Fattah. Dar Makkah: Carlo Shariffa.

Noor Hisham Md Nawawi. 2011. *Pengajaran dan Pembelajaran: Penelitian Semula*

Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran. Selangor: UKM

Noor Shakirah Mat Akhir (2006). *Dakwah dan Cabaran Teknologi Maklumat*, dlm. *Isu dan Cabaran Media di Malaysia*, (pnyt.) Mohamad Md Yusoff et al. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia.

Rahimin Affandi Abd Rahim. 2000. *Memperkasakan Budaya Berfikir Islam: Satu Analisa*. *Jurnal Afkar*. 3: 57-80.

Rahmat Ghazali. 2010. *Cabaran daripada kewartawanan internet*. Pemikir. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.

Ruzain Syukor Mansor. 2011. *Dakwah dan Teknologi Maklumat*. Putrajaya: Penerbit JAKIM.

Saeid Zarghami Hamrah. 2011. *Ontological Investigation of the Role of Internet in Religious Education*. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 29: 1740-1749.

Sharom TM Sulaiman. 2001. *Budaya Hiper dan Ekstasi Gaya Hidup Remaja Alam Siber*. *Jurnal Yadim*. 2: 1-12.

Talib Samat. 2004. *Berjihad Menerusi Tulisan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd

Umar Halim & Samsudin A. Rahim. 2010. *Penglibatan Digital: Akses dan Penggunaan eAgama Dalam Kalangan Generasi Muda Muslim*. *Jurnal Komunikasi Malaysia*. 27(2): 121-135.

Zulkiple Abd Ghani. 2001. *Komunikasi Islam Sebagai Komunikasi Alternatif*. *Jurnal Islamiyyat*. 22: 79- 89.

Noor Azaian Binti Abdul Talib

Pelajar sarjana di Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, FSSK, UKM

Mohd Yusof Abdullah, Mohd Azul Mohamad Salleh

Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, FSSK, UKM

azul@ukm.edu.my, myusof@ukm.edu.my